

# PHARMANIAGA TERBUTALINE ORAL SOLUTION

Terbutaline Sulphate (1.5mg/5ml)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution
2. Bagaimana Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution Berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution
4. Cara mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pharmaniaga

### Terbutaline Oral Solution

Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution digunakan untuk melegakan dan mencegah asma bronkial

## Bagaimana Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution berfungsi

Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution tergolong dalam kelas ubat-ubatan yang dipanggil bronkodilator. Ia berfungsi dengan mengendurkan sesetengah otot bagi membantu membuka ruang-ruang udara dalam peparu dan membuatkan pernafasan menjadi lebih mudah.

## Sebelum mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution sekiranya anda:

- mengalami alergi kepada terbutaline atau bahan-bahan dalam kandungan ubat ini (seperti dalam senarai dibawah).
- mengalami alergi kepada bronkodilator yang lain seperti salbutamol, formoterol
- hamil

### -Sebelum mula mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada alergi/alah terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi. Doktor atau ahli farmasi anda akan membincangkan risiko dan faedah yang terlibat.

Periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution sekiranya:

- anda adalah pesakit kencing manis. Anda mungkin memerlukan pemeriksaan tambahan paras gula dalam darah anda apabila anda mula mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution.
- anda ada sejarah penyakit jantung, kadar ritma jantung

yang tidak teratur atau angina (sakit dada)

- anda mempunyai kelenjar tiroid yang terlebih aktif.
- mengalami masalah yang berkaitan dengan kadar degupan jantung yang laju.
- tekanan darah tinggi
- anda mempunyai glaukoma sudut tertutup (peningkatan tekanan didalam mata)
- anda sedang menjalani pembedahan dengan pembiusan (membantu menghilangkan sensasi)

Sekiranya anda tidak pasti samada masalah di atas pernah terjadi pada anda, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda ambil termasuklah semua ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan lain.

Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution boleh mempengaruhi cara sesetengah ubat bertindak dan sesetengah ubat boleh memberi kesan ke atas Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution.

Ini termasuk:

- *Cyclopropane, halothane*, atau anestetik berhalogen
- *Cardiac glycoside* (untuk merawat masalah jantung)
- *Quinidine* (untuk merawat degupan jantung yang tidak sekata)
- Antidepresi *tricyclic*

# PHARMANIAGA TERBUTALINE ORAL SOLUTION

Terbutaline Sulphate (1.5mg/5ml)

---

## **Cara mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution**

Ikut segala arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Arahan tersebut mungkin berbeza daripada risalah ini. Sekiranya anda tidak memahami arahan pada label ubat tersebut, bertanya kepada ahli farmasi, jururawat atau doktor anda bagi menjelaskan arahan tersebut.

### -Berapa banyak harus diambil

#### **Dewasa:**

Dos permulaan adalah 2.5mg tiga kali sehari dan ditingkatkan kepada 5mg tiga kali sehari bila perlu.

#### **Kanak-kanak 7 tahun ke atas:**

2.5mg dua atau tiga kali sehari atau 75mcg per kg berat badan tiga kali sehari.

### -Bila perlu diambil

Ambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution mengikut arahan doktor anda. Ianya biasa diambil tiga kali sehari setiap hari tetapi doktor anda akan memberitahu anda dos yang terbaik untuk anda. Dos anda akan ditulis pada label ubat anda bagi mengingatkan anda.

Cuba mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution pada masa yang sama setiap hari, kerana ini akan membantu anda supaya tidak lupa mengambil ubat ini.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan mengambil ubat ini selama mana doktor anda mengarahkannya. Anda harus meneruskan pengambilan ubat

ini walaupun anda sudah berasa sihat.

### -Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja teringat.

Walau bagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual pengambilan ubat.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa diambil itu. Ini boleh meningkatkan peluang anda mendapat kesan yang tidak diinginkan.

Sekiranya anda tidak berapa pasti apa yang harus dilakukan, bertanyalah dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Sekiranya anda mengalami masalah mengingati masa untuk mengambil ubat ini, bertanyalah dengan ahli farmasi anda cara untuk mengatasinya.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau pergi ke hospital yang berdekatan dengan segera. Jangan memandu sekiranya anda sudah terlebih ambil ubat ini. Anda mungkin memerlukan pemerhatian perubatan.

Sekiranya anda mengambil terlalu banyak Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution anda mungkin mengalami tangan terketar-ketar atau kadar

degupan jantung menjadi tidak normal atau laju.

## **Semasa menggunakan Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution**

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ikut dengan berhati-hati semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor atau ahli farmasi anda. Arahan tersebut mungkin berbeza daripada maklumat dalam risalah ini.

Sekiranya anda ada Pelan Tindakan bagi mengawal asma anda yang telah dipersetujui dengan doktor anda, ikutlah segala arahan tersebut dengan betul.

Sekiranya anda mendapati dos yang biasa untuk Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution tidak memberikan kelegaan seperti sebelum ini, atau anda perlu mengambilnya lebih kerap dari biasa, hubungi doktor anda bagi mendapatkan pemeriksaan yang sewajarnya. Doktor atau ahli farmasi anda akan memantau keadaan anda dan akan berbuat keputusan samada anda perlu atau tidak meneruskan pengambilan ubat ini. Ini adalah penting bagi memastikan masalah pernafasan anda dikawal dengan baik.

Jumpa doktor anda kerap bagi memastikan asma anda tidak menjadi semakin teruk.

Beritahu doktor lain, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda sekiranya anda sedang mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution.

# PHARMANIAGA TERBUTALINE ORAL SOLUTION

Terbutaline Sulphate (1.5mg/5ml)

---

Sekiranya anda baru hendak mula mengambil ubat baru yang lain, beritahu doktor atau ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution.

Sekiranya anda hamil semasa sedang mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disarankan kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera berat sehingga anda mengetahui kesan Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution terhadap anda.

### **Kesan-kesan sampingan**

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda tidak berasa sihat semasa mengambil Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution.

Ubat ini membantu kebanyakan orang tetapi ianya berkemungkinan memberikan

kesan sampingan pada sesetengah orang. Semua ubat-ubatan akan menghasilkan kesan sampingan. Kadang-kadang kesan sampingan ini serius, kadang-kadang ianya tidak.

Anda mungkin memerlukan pemerhatian perubahan sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut. Jangan bimbang dengan senarai kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Bertanya dengan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda ada sebarang pertanyaan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami masalah berikut dan ianya membimbangkan anda:

- sakit kepala
- tangan terketar-ketar
- takut dan bimbang
- degupan jantung yang tidak teratur atau kadar degupan jantung meningkat
- mual, muntah
- kekeliruan, cepat marah, lemah dan psikotik
- berpeluh
- tekanan darah rendah dengan pening dan kemerahan
- agitasi, keresahan dan sukar tidur
- kurang selera makan
- sakit dada
- kesukaran bernafas atau masalah pernafasan yang semakin teruk

Kesan sampingan ini mungkin serius. Anda mungkin memerlukan pemerhatian

perubahan dengan segera. Kesan sampingan yang serius ini jarang berlaku. Beritahu doktor anda sekiranya anda menyedari masalah lain yang membuatkan anda berasa tidak sihat.

Kesan-kesan sampingan selain dari yang tersenarai diatas boleh juga berlaku pada sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*)

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Terbutaline Oral Solution**

#### - Penyimpanan

Simpan ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan menyimpan ubat di dalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kapanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melepasi tarikh luput yang dicetak pada bungkusannya.

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

# PHARMANIAGA TERBUTALINE ORAL SOLUTION

Terbutaline Sulphate (1.5mg/5ml)

---

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa buangan isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

11A, Jalan P/1,  
Kawasan Perusahaan Bangi,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP:**  
19/10/2015

**Nombor Siri:**  
BPFK(R4/1)150715/00202

**Maklumat lanjut**

-Rupa dan warna produk

Cecair jernih yang tidak berwarna, likat, berperisa nenas

-Bahan-bahan kandungan:

-Bahan aktif:

Pharmaniaga Terbutaline Oral  
Solution 1.5mg/5ml  
mengandungi (setiap 5ml)  
Terbutaline Sulphate 1.5mg

-Bahan –bahan tidak aktif:

*Citric Acid Anhydrous, Sorbitol,  
Pineapple flavor, Purified  
Water, Carboxymethylcellulose  
Sodium, Methylparaben,  
Propylparaben, Propylene  
Glycol dan Saccharin Sodium*

-Nombor MAL:

Pharmaniaga Terbutaline Oral  
Solution 1.5mg/5ml:  
MAL19920608A

**Pengilang:**

Pharmaniaga Manufacturing  
Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1,  
Kawasan Perusahaan Bangi,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran  
Produk:**

Pharmaniaga Manufacturing  
Berhad (60016-D),